

DARI BURUK KE BAIK

Oleh

June Sim Mei Lin

ABSTRAK

Kajian ini saya jalankan apabila saya mendapati ramai murid dalam kelas pemulihan yang sudah pandai mengganggu rakan mereka yang lebih lemah dengan bercakap secara kuat, menyanyi, membuat bising ataupun bermain. Ini berlaku disebabkan mereka berasa cepat bosan kerana boleh menguasai kemahiran yang diajar dengan lebih cepat. Saya telah menggunakan beberapa kaedah untuk mengubah tingkah laku seorang pelajar dalam masa 12 minggu saya berpraktikum dan telah mengenal pasti beberapa kaedah yang sesuai digunakan untuk Tomi, anak didik saya. Hasilnya ialah saya telah mengubah dan mengekalkan tingkah laku Tomi agar lebih positif.

1.0 Pengenalan

Sekolah Kebangsaan TN adalah sebuah sekolah bandar yang terletak kira-kira 13 km dari bandaraya Kuching. Walaupun sekolah ini dikategorikan sebagai sebagai sekolah bandar, sekolah ini dikelilingi oleh kampung dan lebih kurang 80 peratus (%) penduduk di sekitar sekolah ini terdiri daripada orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain. Sekolah ini mempunyai 15 buah kelas dan dua buah kelas prasekolah. Jumlah muridnya pada tahun 2009 adalah seramai 613 orang manakala bilangan guru pula adalah seramai 37 orang.

Saya mula berpraktikum di sekolah ini pada 22 Jun 2009. Pada minggu pertama saya menjalani praktikum, saya terlibat dalam menjalankan ujian diagnostik bagi murid-murid pemulihan. Saya mendapati sebahagian besar murid pemulihan kurang terkawal, suka bermain dan kebanyakannya menyukai kelas pemulihan kerana bagi mereka, kelas pemulihan merupakan satu tempat di mana mereka boleh melepaskan diri daripada kelas biasa untuk bermain. Untuk memastikan tujuan sebenar mereka ke kelas pemulihan, saya harus berjaya menarik perhatian mereka untuk belajar dan bukannya untuk membuat perkara lain seperti mengganggu rakan mereka.

1.2 Fokus Kajian Saya

Tumpuan kajian saya adalah pada Tomi (nama samaran), seorang murid yang bermasalah dan membuat hal dalam kelas pemulihan. Tomi sering menjadi punca masalah kelas tidak terkawal dan mengganggu sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p) walaupun beliau tergolong dalam

kumpulan A (cerdik). Biasanya, murid dalam kumpulan lemah lebih pendiam tetapi terdapat seorang atau dua yang bermasalah.

1.3 Tinjauan Awal

Tomi adalah seorang murid lelaki Tahun 3. Berdasarkan pencapaian Tomi dalam Ujian Diagnostik Matematik dan Bahasa Melayu, beliau tergolong dalam kumpulan A kerana mendapat peratusan markah sebanyak 77% untuk Bahasa Melayu dan 96% untuk Matematik. Namun, pencapaiannya yang kurang stabil dan tidak menumpu perhatian menyebabkan beliau diletakkan dalam kumpulan B.

Semasa saya mula memasuki kelasnya, Tomi ingin mendapat perhatian saya dan sering bercakap dengan suara yang kuat dan menunjuk-nunjuk di hadapan rakannya. Tetapi apabila saya memintanya membuat kerja, kadang-kadang beliau tidak mematuhi arahan saya. Ini menyebabkan nama Tomi adalah antara nama anak didik saya yang saya ingat selepas satu minggu saya berada di sekolah tersebut. Tomi adalah seorang budak lelaki yang normal dari segi fizikal, biasa dan berasal daripada keluarga yang sederhana. Pakaian dan makan minumannya sentiasa terurus dan dia kelihatan kemas. Rambutnya disikat dengan kemas dan bajunya putih berseri. Saya hairan kerana budak yang mendapat perhatian sedemikian di rumah biasanya tidak memasuki kelas pemulihan. Beliau juga mempunyai duit saku dan pernah belanja saya makan roti *Apollo*.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memodifikasikan tingkah laku Tomi daripada negatif ke positif dalam usaha saya mengenal pasti teknik mengubah tingkah laku murid yang sesuai ke arah mewujudkan suasana p&p yang kondusif.

2.0 Perancangan Tindakan

Untuk mencapai objektif kajian saya, saya menggunakan langkah tindakan seperti berikut.

- Saya menggunakan peneguhan-peneguhan seperti peneguhan *tangible* (*non edible reinforcer*), peneguhan sosial (pujian, senyuman, kontak mata, tepukan, sentuhan persahabatan), *sensory* (menepuk bahu, mengusap kepala) dan aktiviti (menonton cerita 'Upin dan Ipin') dalam kelas. Bagi peneguhan *tangible*, misalnya, saya menyatakan bahawa saya akan memberi ganjaran kepada murid yang berkelakuan paling baik dalam kelas setiap bulan. Kelakuan baik dalam kelas dirujuk kepada murid yang memberi tumpuan semasa guru mengajar, tidak membuat bising, menghabiskan kerja yang diberi oleh guru dan tidak mengganggu rakan yang lain. Saya mengingatkan mereka pada permulaan setiap minggu untuk melayakkan mereka menerima ganjaran berupa fizikal. Jadual 1 menunjukkan peneguhan yang dilaksanakan saya.

Jadual 1: Jenis peneguhan yang digunakan

Jenis peneguh	Contoh
Tangible (<i>non edible reinforcer</i>)	Pensel, pen, buku warna, gam, pengasah pensel
Tangible (<i>edible reinforcer</i>)	Coklat, wafer
Sensori jenis sentuhan	Menepuk bahu, usap kepala
Sensori jenis sosial	Memberi pujian, persahabatan, senyuman, kontak mata
Aktiviti	Menonton wayang/cerita seperti Upin dan Ipin.

- Setelah itu, saya menemu bual Tomi seperti biasa dan mengenal pasti apa yang disukainya.

3.0 Pelaksanaan Tindakan dan Dapatan Kajian

Pada minggu kedua, saya telah membahagikan murid-murid ke dalam tiga kumpulan, iaitu A, B dan C, berdasarkan keputusan Ujian Diagnostik. Saya juga melantik ketua kelas dan penolongnya. Pelantikan ketua dan penolong adalah berdasarkan suara ramai. Semasa pengundian dijalankan, suara Tomi paling lantang dan beliau tidak dipilih sebagai ketua atau penolong.

Saya telah mengisytiharkan bahawa murid yang berkelakuan paling baik (tidak mengganggu rakan lain, menyiapkan kerja yang diberi, memberi tumpuan dalam kelas) dan mendapat markah yang baik dalam Ujian Diagnostik akan diberi hadiah. Rajah 1 menunjukkan ganjaran dalam bentuk hadiah yang pernah diberikan saya kepada murid-murid pemulihan dan Tomi.




Rajah 1: Ganjaran dalam bentuk hadiah

Pada awal minggu yang ketiga, saya telah mengumumkan pemenang bulanan. Walaupun murid lain juga berhak mendapat hadiah tersebut, tetapi fokus saya ialah pada Tomi. Budak lain juga saya berikan hadiah seperti wafer agar mereka tidak rasa tersinggung ataupun tercibir. Saya dapat merasakan mata Tomi tertumpu pada hadiah dalam genggaman saya. Apabila saya mengumumkan namanya, matanya seolah-olah bersinar dengan kegembiraan. Beliau mengucapkan terima kasih kepada saya dengan nada yang rendah dan terkejut. Selepas episod itu, Tomi menjadi

lebih baik dalam kelas. Dia kurang membuat bising dalam kelas dan kurang mengganggu rakannya yang lain. Cuma sekali kala beliau terlupa dan saya terpaksa mengingatkannya. Murid-murid kelas tersebut perlu diingatkan selalu bahawa mereka akan menerima ganjaran jika mereka berkelakuan baik.

Waktu mata pelajaran Bahasa Melayu untuk Tahun 3 adalah pada setiap hari Isnin (jam 8.10 pagi hingga 9.40 pagi). Selepas jam 9.40 pagi, iaitu semasa waktu rehat daripada jam 9.40 pagi hingga 10.00 pagi, Tomi akan singgah selama 5 minit untuk berbual dengan saya. Beliau menanya tentang latar belakang saya, bercerita tentang diri sendiri atau rakannya.

Dalam kelas pemulihan, kami meletakkan beberapa buah buku untuk dibaca oleh murid pemulihan. Satu sudut bacaan telah diwujudkan agar murid yang menyiapkan kerja awal boleh membaca buku dan tidak mengganggu rakan yang lain. Tomi telah mengambil sebuah buku bahasa Inggeris yang bertajuk *Dinosaurs*. Dia telah menanyakan saya intipati buku itu dan meminta saya menerangkan maksud ilustrasi dalam buku itu. Jelasnya, dia sangat berminat dengan *Dinosaurs*. Rajah 2 menunjukkan buku *Dinosaurs* yang diminati Tomi.



Rajah 2: Buku Dinosaurs yang diminati Tomi

Pada kali kedua Tomi singgah semasa waktu rehat, beliau sekali lagi mengambil buku yang sama. Kali ini, saya mengambil kesempatan bertanyakan Tomi apa yang disukainya. Lantas dia menjawab, "Saya mahu buku *Dinosaurs*." Saya memberitahunya bahawa buku itu kepunyaan Pusat Sumber sekolah dan jika beliau benar-benar mahukan buku *Dinosaurs*, beliau mestilah menjadi budak yang baik. Selepas itu, beliau menjadi amat ceria dan tidak berhenti-henti cakap. Saya berpendapat kelakuan Tomi adalah disebabkan beliau inginkan perhatian seseorang untuk mendengar luahan isi hatinya. Namun, saya tidak boleh sering memberi ganjaran berupa fizikal kerana ini akan menyebabkan murid belajar hanya untuk

mendapatkan ganjaran. Hadiah akan menjadi motivasi utama mereka. Jika tiada hadiah, mereka tidak akan belajar ataupun membuat kerja rumah.

Dari semasa ke semasa, saya menggunakan peneguhan berbentuk sosial seperti pujian, tepukan untuk memotivasikan mereka khasnya Tomi. Contohnya, apabila dia tidak membuat bising dan menyiapkan kerjanya, saya mengumumkan kepada kelas dan meminta mereka memberi tepukan kepadanya. Saya juga memberi pujian secara langsung seperti, "Bagus jawapan yang diberi oleh Tomi," "Kemas betul tulisan Tomi," dan "Kamu yang lain perlu mencontohi Tomi kerana dia mendengar apa yang disebut oleh cikgu." Tepukan di bahu juga merupakan satu perangsang positif agar dia mengekalkan tingkah laku positif yang dikehendaki.

Menjelang minggu yang kelima, saya mendapati Tomi semakin memberi fokus semasa p&p saya. Saya berasa gembira juga kerana beliau bukan sahaja memberi perhatian malah akan memarahi rakannya yang membuat bising dalam kelas dan meminta mereka memberi perhatian dalam kelas. Ini menunjukkan bahawa dia tidak ingin rakannya mengganggu kelas dan turut berkelakuan baik sepertinya dengan memberi tumpuan yang sepatutnya. Saya berasa amat bangga dengan perkembangan Tomi setakat ini.

Dalam Ujian Penilaian Bahasa Melayu yang diadakan pada minggu kesepuluh, Tomi mendapat markah sebanyak 94% manakala dalam Ujian Penilaian Matematik, beliau memperoleh 54%. Selain itu, dari minggu kedua hingga ke minggu kesepuluh, saya dapat memerhatikan dan mencatatkan beberapa perubahan yang berlaku pada diri Tomi seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Perubahan tingkah laku Tomi yang diperhatikan

Sebelum modifikasi tingkah laku	Selepas modifikasi tingkah laku
<ul style="list-style-type: none">○ Bercakap dengan kuat○ Suka menunjuk-nunjuk○ Mengganggu rakan lain○ Kurang mendengar arahan guru○ Kurang tumpuan dalam kelas.	<ul style="list-style-type: none">○ Bercakap mengikut keadaan (apabila diminta oleh guru)○ Kurang menunjuk-nunjuk○ Kurang mengganggu rakan○ Mempunyai lebih banyak tindak balas positif seperti mendengar arahan guru dan membuat latihan yang diberikan○ Tumpuan dalam kelas meningkat○ Menegur rakan lain yang bising dalam kelas○ Boleh menyuarakan isi hati secara baik jika perasaannya terganggu (bukan secara negatif seperti memarahi rakannya)

Sebagai guru pemulihan, saya berbangga kerana bukan sahaja saya dapat membantu Tomi dalam mata pelajaran di sekolah tetapi juga dalam aspek bukan pendidikan.

4.0 Refleksi

Sepanjang 12 minggu saya menjalani praktikum, saya telah bertemu dengan pelbagai jenis murid. Walaupun masa tersebut singkat sahaja, saya berasa gembira dan puas hati kerana dapat membantu segelintir murid di sekolah ini. Pada peringkat permulaannya, saya berasa berputus asa kerana kelas tidak terkawal sehingga ditegur oleh pensyarah pembimbing. Namun, saya percaya dengan berkat Tuhan dan kesabaran saya, saya dapat mengubah tingkah laku Tomi. Walaupun kejayaan yang dicapai bukan 100% kerana tidak melibatkan semua murid, saya tetap berasa puas hati kerana ada juga hasil yang dituai.

Saya berpendapat bahawa sesetengah murid cerdas seperti Tomi memerlukan tumpuan orang dewasa untuk mendengar luahannya. Tampaknya, dia seorang budak yang normal, mampu berkomunikasi dengan baik dengan orang di sekelilingnya jika diberi peluang. Tingkah lakunya boleh dijelaskan kerana ada sesuatu yang menyebabkannya bertindak sedemikian. Jika kita mengambil inisiatif untuk mengetahui sebabnya, kita akan mendapat jawapannya.

Tugas seorang guru tidak bernoktah dalam kelas sahaja. Guru perlu mendidik di dalam dan luar kelas. Walaupun kelas telah berakhir pada hari itu, kadang-kadang kita masih juga memikirkan cara yang terbaik untuk mendidik anak didik kita dan menjadikan mereka insan yang berguna di masa depan. Itulah situasi yang saya alami sepanjang masa saya menjalani praktikum.

Bibliografi

Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Penyelidikan Tindakan Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Goleman, D. (t.t.). *Emotional Intelligence*. Dimuat turun daripada <http://www.funderstanding.com/category/content/emotional-intelligence> pada 6 September 2009.